

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/07/2012

Mahathir saran negara Islam belajar dari timur

UM-20/7/2012

BANGKOK 19 Julai - Negara-negara Islam perlu mempelajari dari negara Timur sekiranya mahu mengatasi cabaran pemodenan dan globalisasi, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**).

Beliau berkata, banyak negara Timur telah menguasai pengetahuan dan kemahiran perindustrian sehingga mereka boleh bersaing dan menjadikan negara mereka kaya dari segi ekonomi dan kuat.

"Kekuatan mereka sebegitu rupa sehingga mampu mengetepikan hegemoni Barat dan mengatasi cabaran pemodenan dan ancaman globalisasi," katanya pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke-72 Pondok Bantan di sini malam tadi.

Beliau berkata, keperluan pertama ialah memiliki dan meningkatkan pengetahuan dalam bidang sains kerana teknologi moden adalah berdasarkan sains dan ma-

tematik.

Dr. Mahathir berkata, semua ini memakan masa untuk dicapai tetapi negara seperti Korea telah berupaya mempercepatkan prosesnya.

Menyentuh mengenai pengalaman Malaysia dalam menjejarkan wawasan untuk menjadi negara maju menjelang 2020, beliau berkata, negara memerlukan kerajaan yang baik dalam mencapai impian itu.

Dr. Mahathir berkata, masyarakat Islam perlu terus meningkatkan keupayaan mereka mengatasi cabaran pemodenan dan globalisasi agar tidak lagi ke-

tinggalan seperti yang mereka lalui di abad ke-15.

Tamadun Islam pernah menguasai dunia, tetapi pada abad ke-15, suasananya berubah apabila orang Islam meninggalkan pemilikan ilmu pengetahuan, selain apa yang mereka fikirkan mempunyai kaitan dengan agama mereka. - BERNAMA

